

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
OLEH
KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR
BAGI
PERSIDANGAN LAPORAN SAINTIFIK
KEJADIAN JEREBU OGOS 2005,**

28 DISEMBER 2007

Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Prof. Emeritus Dato' Dr. Sham Sani,

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah,
Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan , UKM**

**Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Mastura Mahmud,
Ketua Pusat Pencerapan Bumi, UKM**

Pengarah-Pengarah Jabatan Alam Sekitar

Para penceramah dari Universiti Kebangsaan Malaysia ,

**Y.Bhg. Dato', Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan, para peserta
Persidangan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izinNya dapat kita bersama-sama menghadiri Persidangan Laporan Saintifik Kejadian Jerebu Ogos 2005 pada hari ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur di atas kesudian untuk menjemput saya menyempurnakan acara perasmian seminar pagi ini.

Y.Bhg. Dato', Datin, Tuan/Puan yang saya hormati sekalian

Jerebu yang melanda negara akibat dari kebakaran tanah dan hutan dikesan berlaku sejak awal tahun 1980-an lagi. Namun demikian, kejadian kebakaran semakin meluas sehingga menyebabkan jerebu teruk berlaku pada tahun-tahun kebelakangan ini dalam tempoh masa yang lebih panjang dengan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang tinggi dan berpotensi membahayakan kesihatan. Sehingga kini, negara kita telah dua (2) kali membuat pengisytiharan Darurat Jerebu iaitu pada 19 September 1997 di Negeri Sarawak dan pada 11 Ogos 2005 di dua (2) kawasan di Negeri Selangor iaitu Pelabuhan Klang dan Kuala Selangor apabila bacaan IPU di kawasan-kawasan tersebut melepasi paras 500.

Y.Bhg. Dato', Datin, Tuan/Puan yang saya hormati sekalian

Secara umumnya, kejadian jerebu yang berlaku pada bulan Ogos 2005 merupakan yang terburuk pernah dialami di kawasan Lembah Klang dan beberapa kawasan lain di sekitarnya.

Pada tahun 2005, Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Pusat Pencerapan Bumi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengambil inisiatif untuk mengkaji kejadian episod jerebu tersebut dari aspek saintifiknya. Inisiatif ini merupakan usaha serampang dua mata di mana selain dari mendokumenkan kejadian jerebu, ianya juga memberi peluang kepada pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) khususnya untuk meningkatkan keupayaan mereka melalui perkongsian maklumat dan pengetahuan saintifik dengan para penyelidik dari UKM yang terlibat secara langsung dengan kajian ini.

Saya amat berbangga dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat di atas kejayaan mereka menyempurnakan Laporan Saintifik Kejadian Jerebu Ogos 2005. Semoga kerjasama yang terjalin di antara JAS dan UKM tidak terhenti di sini dan dapat diteruskan serta diperluaskan kepada lain-lain bidang berkaitan pengurusan alam sekitar dan berharap bukannya lagi dari aspek kejadian episod jerebu seperti yang telah berlaku pada tahun 2005 yang lalu.

Y.Bhg. Dato', Datin, Tuan/Puan yang saya hormati sekalian

Saya difahamkan bahawa dalam Persidangan ini, kita akan diberi penjelasan oleh para penyelidik tentang hasil kajian yang telah dilaksanakan seperti punca kejadian jerebu, analisis kimia komponen-komponen jerebu, statistik mengenai status kualiti udara dan kesan jerebu dari aspek kesihatan dan sosio ekonomi. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut di sini. Justeru, izinkan saya menarik perhatian hadirin semua akan perkembangan usaha-usaha terkini di peringkat serantau dalam menangani kejadian jerebu merentas sempadan.

Y.Bhg. Dato', Datin, Tuan/Puan yang saya hormati sekalian

Beberapa usaha dan langkah penyelesaian terbaru di peringkat serantau telah mula digerakkan dalam menangani masalah jerebu yang berulang hampir setiap tahun. Ini sebagai melipatgandakan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh negara-negara ASEAN hampir satu dekad lalu bagi mengatasi kejadian kebakaran tanah dan hutan yang menyumbang kepada masalah jerebu serantau.

Malaysia kini giat meneruskan kerjasama dua hala dengan Indonesia tertumpu di kawasan Wilayah Riau di Sumatera iaitu kawasan di Indonesia yang merupakan kawasan yang sering berlaku kebakaran besar dan memberi kesan kepada kawasan Lembah Klang iaitu kawasan paling terdekat dengan kawasan kebakaran tersebut.

Kerjasama ini akan melibatkan program-program jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang bagi menangani kejadian kebakaran tanah dan hutan yang menyebabkan jerebu. Program-program berkenaan melibatkan penyertaan masyarakat setempat di Wilayah tersebut.

Antara program-program kerjasama yang telah dirancang adalah pembangunan keupayaan (capacity building) dalam melaksanakan amalan pembakaran sifar (zero burning) dan teknik melawan kebakaran, pelaksanaan projek-projek perintis bagi mendemonstrasikan amalan pembakaran sifar, pengwujudan sistem amaran awal jerebu dan pemulihan tanah-tanah gambut terbiar.

Y.Bhg. Dato', Datin, Tuan/Puan yang saya hormati sekalian

Adalah diharapkan bahawa Laporan Saintifik Kejadian Jerebu Ogos 2005 ini akan dapat meningkatkan pengetahuan kita semua mengenai kejadian jerebu dari aspek teknikal dan saintifiknya. Di samping itu, penemuan-penemuan dari kajian yang akan dibentangkan oleh para penyelidik dalam sesi selama satu hari ini mungkin boleh dijadikan panduan dalam merangka strategi-strategi baru bagi menangani masalah jerebu yang berpunca dari kebakaran tanah dan hutan.

Semoga dengan sedikit usaha yang telah kita sumbangkan ini akan mengerakkan lagi usaha-usaha yang lebih giat untuk memastikan ruang udara negara kita ini bebas dari pencemaran asap jerebu. InsyaAllah.

Dengan lafaz *BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIIM*, saya dengan sukacitanya merasmikan,

Persidangan Laporan Saintifik Kejadian Jerebu Ogos 2005

Sekian,

Wabillah hitaufik wal hidayah, wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.